

1981

LABUAN 17 FEB. (BERNAMA)—INDUSTRI—INDUSTRI MALAYSIA HANYA BOLEH MENGHARAPKAN PERLINDUNGAN KERAJAAN DARI AMALAN NEGARA ASING YANG TIDAK ADIL TETAPI TIDAK KERANA KELEMAHAN MEREKA SENDIRI, KATA PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, JIKA SESUATU INDUSTRI MENGELUARKAN BARANG—BARANG BERHARGA TINGGI BERPUNCA DARI KELEMAHAN DAN PENYELEWENGAN PENGURUSAN DAN PERANCANGAN, INDUSTRI ITU TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN PERTOLONGAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN DUA SYARIKAT SABAH — SEHAT SDN. BHD., SYARIKAT MENGELUARKAN BAHAN TENUSU DAN SABAH FLOUR AND FEEDMILL SDN. BHD.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MENGALU—NGALU DAN MENGGALAKKAN PERUBAHAN INDUSTRI BARU SAMA ADA BESAR ATAU KECIL KERANA INI AKAN MEMBANTU KERAJAAN MEMPERCEPATKAN LAGI MATLAMAT PERINDUSTRIAN NEGARA.  
—BERSAMBUNG 1430/HM

B550  
MAHATHIR 2 LABUAN

BAGAIMANAPUN, INDUSTRI—INDUSTRI HENDAKLAH BERDAYA MAJU DAN TIDAK MENYUSAHKAN KERAJAAN.

KATA BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MELINDUNGI INDUSTRI TEMPATAN YANG DITINDAS OLEH SYARIKAT ASING SEPERTI AMALAN PERDAGANGAN YANG TIDAK SEIMBANG.

SEBALIKNYA PENGGUNA—PENGGUNA HENDAKLAH BERUPAYA UNTUK MEMBAYAR LEBIH UNTUK BARANG—BARANG TEMPATAN KALAU DIBANDINGKAN DENGAN YANG DIIMPORT, KATANYA.

MENGENAI SYARIKAT SABAH FLOUR DAN FEEDMILL SDN. BHD., DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN USAHASAMA ANTARA PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI SABAH DAN SARAWAK ADALAH SATU TANDA KE ARAH INTEGRASI KEBANGSAAN MELALUI PERBADANAN NEGERI.

MENGENAI SYARIKAT SEHAT SDN. BHD. YANG MENGELUARKAN BAHAN TENUSU UNTUK DIBAHAGI PERCUMA KEPADA SEMUA SEKOLAH—SEKOLAH RENDAH DI SABAH, BELIAU BERKATA USAHA INI SANGAT DISANJUNG TINGGI.

KATANYA, FAKTOR KOS PENGELUARAN TIDAK DAPAT DIKIRA TETAPI USAHA—USAHA INI MERUPAKAN PELABURAN BAGI TENAGA BURUH DI MASA HADAPAN BAGI FAEDAH NEGARA.—BERSAMBUNG 1434/HM

B551  
MAHATHIR 3 LABUAN

KILANG SEHAT SDN. BHD. DIDIRIKAN AWAL TAHUN LALU DENGAN MODAL YANG DIBAYAR SEBANYAK \$5 JUTA DI ATAS TAPAK SELUAS EMPAT EKAR DI KAWASAN PERINDUSTRIAN DI SINI SEMENTARA KILANG FLOUR DAN FEEDMILL SDN. BHD. BERHARGA \$36 JUTA.

SYARIKAT ITU BERUPAYA MENGELUARKAN 6,000 TAN BAHAN MAKANAN TIAP—TIAP BULAN.—BERNAMA 1436/HM